

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini adalah membincangkan tentang metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Metodologi kajian dalam buku komik Doraemon adalah berdasarkan kaedah kualitatif dan kuantitatif yang bertumpu kepada kajian buku komik Doraemon. Kajian ini menumpukan kepada minat kanak-kanak lelaki terhadap bacaan buku komik Doraemon. Selain itu, tumpuan kajian ialah pada isi kandungan yang diminati oleh kanak-kanak lelaki. Isi kandungan dalam buku-buku komik Doraemon akan dianalisis bagi mencari kesan-kesan positif agar galakan terhadap kanak-kanak lelaki untuk membaca komik humor dapat terus diterapkan. Buku komik Doraemon yang dipilih ialah dari siri 40, 41, 43, 44 dan 45. yang merupakan buku siri terakhir dalam Siri Doraemon yang dikeluarkan pada tahun 2008 dengan mengulang cetak setiap tahun sejak tahun 1990-an lagi.

3.1 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini adalah berdasarkan daripada enam buah komik Doraemon yang telah ditetapkan bagi menilai bahasa, gender dan humor yang didapati dalam buku komik tersebut. Buku tersebut sememangnya ditujukan kepada kanak-kanak kerana mempunyai nilai humor yang dibawa oleh watak kanak-kanak dalam komik tersebut. Pemilihan buku komik Doraemon adalah berdasarkan siri 40 hingga 45 adalah kerana

ia merupakan antara buku terakhir (terkini) buku komik siri Doraemon dipasarkan Malaysia.



Pemilihan buku komik Doraemon pada pendapat pengkaji dapat membantu mencapai objektif menganalisis isi kandungan berbentuk humor yang menjadi kegilaan sebahagian besar kanak-kanak. Analisis isi kandungan akan meliputi penggunaan bahasa yang menjadikan kanak-kanak menyukai bahan bacaan Doraemon. Ini kerana analisis terhadap buku komik humor Doraemon akan membawa maklumat terhadap kecenderungan kanak-kanak memilih bahan bacaan. Malah pengkaji akan cuba melihat faktor-faktor lain yang memungkinkan kanak-kanak menaruh minat terhadap buku komik Doraemon ini iaitu tentang kisah kehidupan sosial kanak-kanak, unsur mistik,

unsur moral dan isu gender. Kajian akan melibatkan semua faktor-faktor yang disebutkan di atas.

Kemasyhuran buku komik ini tidak perlu dipertikaikan lagi di kalangan kanak-kanak di Malaysia kerana boleh dikatakan semua kanak-kanak tahu tentang karektor Doraemon. Malah terdapat juga remaja dan orang dewasa yang meminati buku komik Doraemon ini.

3.2 Korpus Kajian

Sebanyak enam buah buku komik yang dikaji bermula dari siri 40 hingga siri 45. Terdapat dua elemen yang akan dianalisis dalam buku komik ini. Elemen pertama adalah berkaitan ciri-ciri stail linguistik yang terdapat dalam buku komik humor yang berjaya menarik minat kanak-kanak lelaki. Elemen kedua pula tentang kelakuan sosial yang dipaparkan dalam buku komik humor yang dapat dipelajari oleh kanak-kanak lelaki.

Bagi menjadikan korpus semakin berguna dalam bidang kajian linguistik, kebiasaannya proses anotasi digunakan seperti mengekstrak sebahagian daripada ayat atau dialog. Dengan itu senarai atau jadual kekerapan dapat dilakukan.

3.3 Sinopsis Buku Komik Doraemon

Buku komik Doraemon merupakan siri cerita pendek yang menyentuh pelbagai isu dalam kehidupan seharian sosial kanak-kanak. Di dalamnya mengandungi cerita Doraemon sebagai kucing ajaib atau robot pada masa hadapan yang berwarna biru serta

mempunyai poket di bahagian hadapan perutnya. Oleh sebab Doraemon adalah robot berupa kucing, ia lengkap dengan loceng dileher. Doraemon muncul dari sebuah laci meja belajar.

Doraemon sentiasa membantu seorang kanak-kanak lelaki bernama Nobita untuk menyelesaikan masalah harian seperti masalah kerja sekolah, rakan sebaya, ibu bapa dan lain-lain lagi. Masalah-masalah Nobita dapat diselesaikan dengan bantuan alat-alat rahsia yang dikeluarkan dari poket Doraemon. Bantuan Doraemon amat diperlukan oleh Nobita bagi mengelakkan diri daripada dibuli oleh rakan-rakan mahupun didenda oleh guru dan ibu bapa. Terdapat juga peranan Doraemon dan Nobita dalam menyelesaikan masalah-masalah isu semasa.

Siri buku komik Doraemon juga berkisar tentang pergaulan seharian Nobita dan rakan-rakannya; Shizuka, Giant dan Suneo. Selain itu, terdapat juga watak sampingan seperti Dekisugi, Jyaiko, ibu, ayah dan datuk Nobita, ibu Giant, guru Nobita dan lain-lain watak yang menyokong watak utama.

Antara watak utama yang menerajui kisah Doraemon ini ialah Nobita. Nobita adalah seorang pelajar lelaki yang lemah dalam bidang akademik mahupun bidang sukan. Dia lebih gemar bermain dan tidur pada waktu siang. Banyak keburukan lain pada watak Nobita ini seperti tidak suka menyiapkan kerja sekolah, malas ke sekolah, tidak suka menolong ibu bapa, tidak suka akan mata pelajaran sejarah dan lukisan. Nobita juga mempunyai sikap seperti kanak-kanak perempuan iaitu tidak gemar pada aktiviti dan

permainan yang lasak. Walaupun begitu, Nobita adalah seorang kanak-kanak yang pandai menghormati orang tua.

Giant pula adalah seorang kanak-kanak yang suka membuli. Ini disebabkan oleh saiz tubuh badannya yang lebih besar daripada kanak-kanak lain yang sebaya dengannya. Dia gemar menyanyi dan memasak walaupun begitu, nyanyian mahupun masakannya seringkali menyebabkan rakan-rakannya mengelak diri kerana Giant mempunyai suara yang begitu teruk dan masakannya pula boleh menyebabkan anjing peliharaan Giant pengsan setelah memakan makanan yang dimasak oleh Giant.

Sementara Suneo merupakan kawan karib Giant dan kerap bersubahat dalam membuli Nobita. Suneo adalah seorang anak yang dimanjakan oleh ibu bapanya yang merupakan orang berhartu. Suneo satu-satunya rakan Nobita yang selalu bercuti ke luar negara seperti ke Hawaii dan sebagainya.

Shizuka juga merupakan watak penting dan merupakan kanak-kanak perempuan yang diminati oleh Nobita. Shizuka mempunyai karektor yang baik dan bersopan santun. Shizuka juga mempunyai minat yang menyerupai kanak-kanak lelaki seperti suka memanjat pokok dan minat bermain permainan yang mencabar seperti permainan bola sepak.

3.4 Prosedur Pengumpulan Data

Dalam kajian ini pengkaji akan membuat proses pengumpulan dan organisasi data. Proses tersebut melibatkan kajian enam buah buku komik Doraemon dari siri 40 hingga

ke siri 45 yang telah disebutkan sebelum ini. Perbandingan dilakukan dengan melibatkan analisis gaya bahasa, kelakuan sosial kanak-kanak dan ciri-ciri yang menjadikan kanak-kanak amat meminati buku komik Doraemon.

3.5 Metodologi

Dalam kajian komik Doraemon ini, kaedah kualitatif dan kuantitatif telah digunakan bagi mendapatkan dapatan yang menyakinkan. Ini kerana daripada kaedah kajian ini, dapatan akan kelihatan lebih kukuh apabila menggunakan analisis data berdasarkan perbandingan jumlah serta kajian secara lebih mendalam terhadap sesuatu bahan yang dikaji.

3.5.1 Kaedah Kualitatif

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan berdasarkan kajian buku komik Doraemon daripada segi bahasa yang digunakan serta perlakuan sosial dalam isi kandungan buku komik Doraemon. Dalam kajian ini, gaya bahasa dalam komik akan di kaji secara mendalam dengan dimulakan pengumpulan buku-buku komik Doraemon siri 40 hingga siri 45. Seterusnya melalui buku komik tersebut, akan dianalisis pula isi kandungan yang mempunyai gaya bahasa serta perlakuan sosial dalam komik. Data yang diperoleh seterusnya akan dianalisis untuk mendapatkan dapatan dan seterusnya dibuat perbincangan bagi mengukuhkan dapatan kajian tersebut.

3.5.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah ini juga digunakan dalam kajian buku komik Doraemon ini di mana buku-buku komik siri 40 hingga siri 45 dikumpulkan untuk mencari kekerapan penggunaan

sesuatu ujaran dalam kajian bahasa. Selain itu, kekerapan penggunaan perlakuan sosial dalam buku komik Doraemon juga dibuat analisis dan perbandingan bagi mendapatkan maklumat tentang gaya bahasa yang diminati oleh kanak-kanak serta bentuk perlakuan sosial yang ada dalam komik Doraemon. Seterusnya data yang diperoleh ini akan dianalisis lalu dibuat perbincangan bagi mengukuhkan dapatan kajian.

3.6 Data Analisis

Untuk proses menganalisis isi kandungan, kajian akan melibatkan gaya bahasa, perwatakan, nilai-nilai moral, unsur gender, unsur mistik, unsur magik, unsur fantasi, unsur sejarah, unsur mitos dan unsur lagenda. Perlu diambil perhatian bahawa hanya ruangan dalam isi kandungan yang mempunyai unsur bahasa, unsur humor dan unsur-unsur lain yang positif dan dianggap mampu menarik minat membaca bagi kanak-kanak lelaki sahaja yang akan dijadikan bahan kajian. Pengkaji merasakan analisis kajian isi kandungan amat membantu dalam mendapatkan maklumat.

Proses menganalisis data ialah dengan mengkaji makna sesuatu ujaran yang dipertuturkan oleh penutur sama ada ianya memberi kesan yang besar ke atas minat membaca oleh kanak-kanak ataupun sebaliknya terhadap buku bacaan Doraemon ini.

Di samping itu, kajian turut melibatkan kajian pertuturan dialog watak-watak sama ada lelaki ataupun wanita. Melalui analisis perbualan ini, pengkaji akan dapat mengetahui cara pertuturan yang digunakan oleh penutur dalam komik Doraemon berdasarkan gaya bahasanya. Perbualan dalam komik tersebut seterusnya akan dianalisis bagi

mendapatkan kerpastian kecenderungan kanak-kanak memilih bahan bacaan komik Doraemon ini.

Analisis kajian adalah melibatkan penggunaan Ekstrak yang mewakili dialog dan cerita di dalam komik Doraemon siri 40 hingga siri 45. Analisis Ekstrak adalah berdasarkan label seperti (42,70:5). Label 42, adalah merujuk pada **siri buku 42**. Sementara label 70 adalah merujuk pada **muka surat 70** di dalam buku komik siri 42. Label 5 pula adalah merujuk pada **kedudukan peristiwa** yang dikaji di dalam komik siri 42.

Seterusnya Bab 4 akan membentangkan analisis dan dapatan daripada hasil kajian ini dijalankan.